

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : HOMESTAY

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah homestay dari 2016-2018 mengikut PBT dan apakah syarat utama untuk pembinaan homestay?
- b) Nyatakan jumlah tindakan tutup dan saman keatas homestay dari tahun 2016-2018 mengikut PBT?

JAWAPAN:

- a) Sebanyak 15 *homestay* atau inap desa yang berdaftar di bawah Program *Homestay* di Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC). Senarai bilangan *homestay* tersebut mengikut PBT adalah seperti berikut:

| PBT | JUMLAH HOMESTAY |
|-----------------|------------------------|
| MPSepang | 1 |
| MPS | 1 |
| MDKL | 5 |
| MDHS | 1 |
| MDKS | 2 |
| MDSB | 5 |
| JUMLAH | 15 |

Nota: Sumber data dari Motac

Berikut merupakan syarat-syarat utama bagi pembinaan homestay berdasarkan takrifan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) :

1. Harus mempunyai sekurang-kurangnya 10 buah rumah bagi setiap kluster homestay;
2. Bagi rumah panjang, harus mempunyai sekurang-kurangnya 10 unit rumah di dalam sesebuah kluster rumah panjang berkenaan;
3. Maksimum 4 buah bilik sahaja disediakan oleh seorang tuan rumah kepada pelancong;

4. Mempunyai kemudahsampaian dari segi perhubungan dan pengangkutan;
5. Menjaga tahap kebersihan rumah kediaman dan kawasan persekitaran kampung;
6. Menjaga keselamatan pelancong sepanjang penglibatan;
7. Menawarkan dan melibatkan pelancong dalam aktiviti-aktiviti masyarakat kampung seperti menoreh getah, sawah padi, memancing, memetik koko, kelapa dan sebagainya; dan
8. Menawarkan dan melibatkan pelancong dalam permainan sukan tradisional dan kebudayaan seperti congkak, sepak raga, caklempong, tarian rakyat dan sebagainya.

b) Dari tahun 2016 sehingga 2018, tiada homestay yang dikenakan tindakan tutup atau saman oleh PBT. Namun demikian, pada tahun 2017 terdapat satu buah *homestay* telah dicadangkan untuk digugurkan daripada program *homestay* MOTAC iaitu *Homestay* Seri Kayangan, Sabak Bernam kerana berlaku konflik dalaman *homestay* terbabit. Cadangan tersebut telah dikemukakan kepada pihak MOTAC Putrajaya untuk dipertimbangkan. Semenjak daripada itu, MOTAC Selangor tidak lagi mempromosikan Homestay Seri Kayangan tersebut.

| Bil | Nama Homestay | PBT |
|-----|---|-----------|
| 1 | Homestay Banghuris, Lot 1829, Jalan Tailong Kg. Ulu Chuchoh, 43950, Sungai Pelek, Sepang, Selangor | MP Sepang |
| 2 | Homestay Sg. Hj. Dorani Pusat Homestay Parit 1, Sungai Hj. Dorani, Sungai Besar 45300 Sabak Bernam, Selangor | MDSB |
| 3 | Homestay Air Manis Lot 2257, Jalan Haji Marsor, Kg. Batu 37 Darat, 45200 Sabak Bernam, Selangor | MDSB |

| | | |
|----|---|------|
| 4 | Homestay Batu 23, Sg. Nibong d/a Pejabat Daerah/Tanah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar Sabak Bernam, Selangor | MDSB |
| 5 | Homestay Sepintas Batu 4, 45200 Sabak Bernam, Selangor | MDSB |
| 6 | Homestay Papitusulem, Balai Raya Parit Tujuh Baroh Sungai Leman, 45400 Sekinchan, Selangor | MDSB |
| 7 | Homestay Sg. Sireh, Kampong PT 1, Sg. Sireh 45500 Tanjung Karang, Kuala Selangor, Selangor | MDKS |
| 8 | Homestay Bougainvilla, No. 78 Jalan KSK 4, Kampong Sungai Kertas 68100 Batu Caves, Selangor | MPS |
| 9 | Homestay Kg. Endah, PSK 11 Jalan Sekolah, Kg. Endah 42700 Banting, Selangor | MDKL |
| 10 | Homestay Kampung Sg. Lang Tengah, D/A Lot 1594, Kg. Sg. Lang Tengah, 42700 Banting, Selangor | MDKL |
| 11 | Homestay Batu Laut, No. 1, Jalan Sekolah, Kg. Batu Laut, 42800 Tanjung Sepat, Kuala Langat Selangor | MDKL |

| | | |
|----|---|------|
| 12 | Homestay Kg. Kundang, Kampong Kundang, Pejabat Pos Tanjung Sepat, 42800 Kuala Langat, Selangor | MDKL |
| 13 | Homestay Kanchong Darat, Batu 23, Jalan Aman, Kanchong Darat 42800 Banting, Kuala Langat Selangor | MDKL |
| 14 | Homestay Sg. Tenggi, Pejabat JKKK Desa Maju Sungai Tenggi 44010 Kuala Kubu Bharu Hulu Selangor, Selangor | MDHS |
| 15 | Homestay Sungai Sembilang Lot 1620, Jalan Khailani, BT 17, Sg. Sembilang 45800 Jeram, Kuala Selangor, Selangor | MDKS |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : KURSUS PASCA PERKAHWINAN NEGERI SELANGOR

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak peruntukan yang telah dibelanjakan untuk program ini?

- b) Sejauh mana keberkesanan program ini dilaksanakan dan memberi impak kepada aspek keharmonian kekeluargaan?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM109,693.00 dan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM440,910.00.

Walaupun peruntukan bagi tahun 2019 belum dibelanjakan setakat ini memandangkan ianya akan bermula pada pertengahan November 2019 yang melibatkan aktiviti promosi, hebahan kepada warga Selangor, taklimat kepada Pusat Khidmat DUN dan pengumpulan data pemohon dalam sistem pendaftaran. Manakala pelaksanaan kursus kepada peserta program akan bermula pada Januari 2020.

Keberkesanan program Insentif Generasi Muda Selangor (iGems) belum lagi dapat diukur memandangkan program ini akan bermula pada bulan Januari 2020.

Walaupun, YAWAS ada melakukan kajian atas talian kepada penerima Program Insentif Perkahwinan Belia pada bulan Ogos 2019 sehingga September 2019 selama 1 bulan. Seramai 2,630 yang respon kepada kajian tersebut. Hasil dapatan daripada kajian tersebut mengenai pandangan belia terhadap program berkonsepkan kursus jika Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan kursus tersebut adalah seperti berikut;

- i) Sebanyak 69% responden yang cenderung untuk menghadiri kursus yang dianjurkan secara percuma oleh Kerajaan Negeri Selangor.

- ii) Sebanyak 78% responden yang cenderung untuk menghadiri kursus bersama pasangan masing-masing.

Merujuk kepada hasil kajian tersebut (para i dan ii), lebih 50% yang respon secara positif dan cenderung untuk menghadiri program ini. Ini juga dapat disimpulkan bahawa ada belia di Negeri Selangor yang berminat dan merasa kepentingan untuk menambah ilmu pengetahuan dalam urusan rumah tangga dan kekeluargaan yang kian meruncing dan mencabar masa kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PERANAN GLC DALAM GAGASAN SMART SELANGOR

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membangunkan Selangor sebagai Negeri Pintar?

JAWAPAN:

- a) **SSDU Innovations Sdn Bhd (SSDU)** adalah anak syarikat milik penuh MBI telah diberikan mandat oleh Kerajaan Negeri untuk menerajui pembangunan negeri pintar, ia juga merupakan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor sebagai Negeri Pintar Terulung 2025 di Asia Tenggara dengan memanfaatkan penggunaan teknologi dan inovasi. Negeri Pintar yang disasarkan merangkumi 12 domain yang telah dirangka sebagai asas untuk pembangunan Negeri Pintar tersebut. SSDU telah dan akan membangunkan sebanyak 60 inisiatif yang merangkumi pengurusan sisa sampah, pengangkutan dan mobiliti, sokongan sosial dan digital infrastruktur dan sebagainya. Terbaharu adalah Smart Bus Stop, yang merupakan hentian bas pintar yang mesra pengguna, infrastruktur terkini serta penggunaan aplikasi digital seperti isyarat penumpang menunggu, kamera litar tertutup, butang kecemasan, pengesanan kualiti udara serta hab pengecas USB dan banyak lagi.

Selain itu, terdapat juga anak syarikat MBI lain yang telah bertindak secara proaktif dengan menggunakan teknologi terkini di dalam usaha melipatgandakan produktiviti bekerja agar lebih efisien serta efektif. Antaranya adalah:

KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) adalah anak syarikat milik penuh MBI yang bertujuan mengutip sampah domestik di seluruh Selangor. Kelebihan KDEBWM adalah sistem pengutipan sampah domestik dilengkapi dengan teknologi sistem pemantauan kenderaan atau Vehicle Management System (VMS) bagi menjejaki pergerakan jentera sampah ketika kontraktor menjalankan kutipan sampah di setiap PBT. Segala pemantauan jentera dilakukan secara berpusat di Centralised Command Center (CCC) begitu juga dengan penyelarasan aduan pengguna melalui aplikasi i-Clean di ibu pejabat KDEBWM Shah Alam.

Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) bertujuan melaksanakan pemantauan program Pembangunan dan Pemuliharaan Sungai melalui Selangor Maritim Gateway (SMG). LLSB telah mengunapakai sistem sensor dan pemasangan logboom untuk mengumpul sampah apungan daripada terus menuju ke mulut sungai. Semua usaha ini bertujuan untuk memulihara dan meningkatkan kualiti air sungai di Negeri Selangor ke peringkat II bagi merancakkan lagi usaha eko-pelancongan.

SMARTSEL Sdn Bhd (SMARTSEL) bertujuan memberikan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi kepada kawasan luar bandar. SMARTSEL telah melancarkan Node1 di Kuala Selangor di INPENS International College (INPENS) sebagai usaha memberikan perkhidmatan Wifi Smart Selangor percuma dengan kelajuan internet yang lebih tinggi untuk capaian kawasan kawasan strategik akan datang seperti pejabat kerajaan, perumahan serta kawasan pelancongan seperti di Sky Mirror, Kota Melawati dan sebagainya.

Anak anak syarikat MBI yang lain akan terus bersama sama membantu kerajaan Negeri secara langsung dalam usaha membangunkan Selangor sebagai Negeri Pintar 2025 nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : ISU PENCEMARAN AIR SUNGAI DAN GANGGUAN BEKALAN AIR

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak tahun ini, telah berlakunya 4 kali kejadian pencemaran air sungai dan menyebabkan gangguan bekalan air. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap semua pihak bersalah?
- b) Apakah usaha yang akan diambil demi mengelakkan kejadian pencemaran air sungai berlaku lagi?

JAWAPAN:

a)

| Bil | Nama Premis | Tarikh kejadian | Jenis Pencemaran | Tindakan yang dikenakan | Status Kes |
|-----|-----------------------------------|-----------------|---|---|---|
| 1. | Devaraj a/l Shanmugam | 19 Mac 2019 | Membuang bahan buangan yang mengandungi minyakke dalam kolam takungan banjir di Taman Eng Ann | Pendakwaan sedang dijalankan di Mahkamah Sesyen di Klang. | OKS 1 masih dalam prosiding perbicaraan. |
| | Maduraiveran Pillai a/l Nageswara | | | | OKS 2 telah mengaku salah dan dihukum denda RM 25,000.00. |

| | | | | | |
|----|--------------------------|---------------|---|--|---|
| 2. | Syarikat Ngo Chew Hong | 26 Jun 2019 | Menyebabkan pelepasan atau kemasukan efluen kilang sehingga menyebabkan pencemaran bau di Sungai Semenyih. | Surat Arahan diberikan kepada premis untuk menghentikan operasi kilang dan menjalankan langkah-langkah mitigasi pengawalan pencemaran. | Pihak premis telah mematuhi surat arahan yang diberikan. |
| 3. | Kumpulan Semesta Sdn Bhd | 21 Julai 2019 | Gagal mematuhi syarat Kebenaran Bertulis sehingga menyebabkan kemasukan atau pelepasan minyak ke dalam Sungai Selangor. | Kertas siasatan telah dibuka. | Kertas siasatan telah dipanjangkan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya untuk arahan selanjutnya. |

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sauk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sauk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu.

Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempromosikan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
 - ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
 - iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.
- b) Dalam usaha menangani isu-isu pencemaran sumber air, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:
- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
 - ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
 - iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Alam Sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : GAJI MINIMA 1500 SEBULAN - MANIFESTO PAKATAN HARAPAN

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri (jika ada) kearah mencapai Gaji Minima Rm1500?

- b) Berapakah (Jika ada) Agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor yang mengamalkan Gaji Minima RM1500?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PEMBANGUNAN LOOK UP POINT BUKIT AMPANG

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah punca masih belum terdapat sebarang pembangunan bagi kawasan Look-Up Point Bukit Ampang yang mempunyai potensi tarikan pelancongan?

JAWAPAN:

- a) Ampang Look Out Point (ALOP) terletak di kompartmen 79A dan 80, Hutan Simpan Hulu Langat seluas lebih kurang 7.04 hektar di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah. Ia telah ditubuhkan pada tahun 2001 sebagai salah satu destinasi pelancongan di Selangor disebabkan oleh lokasinya yang terletak di puncak bukit dengan pelbagai daya tarikan seperti menara pandang, restoran, kawasan istirahat yang membolehkan pengunjung melihat pemandangan bandaraya Kuala Lumpur.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah menyediakan satu Pelan Tindakan Pembangunan Ampang Look Out Point (ALOP) sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor pada tahun 2016 yang akan dibangunkan melalui model pengurusan dan pembangunan secara kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP).

Pelan Tindakan Pembangunan Semula Ampang Look Out Point (ALOP) akan dibangunkan merangkumi aspek pembangunan fizikal yang mengutamakan konsep reka bentuk infrastruktur dan kemudahan yang diintegrasikan bersama elemen pentadbiran, latihan, arboretum, rekreasi, ekopelancongan, penyelidikan dan pendidikan alam semula jadi. Ia akan dijadikan sebagai salah satu destinasi utama ekopelancongan bertaraf dunia yang boleh menjana hasil secara berterusan disamping berperanan sebagai pusat penyaluran maklumat dalam bidang ekosistem semula jadi Hutan Hujan Tropika di Malaysia.

Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Ke 18/2018 yang telah diadakan pada 27 Jun 2018 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 19/2018 bertarikh pada 04 Julai 2018 telah mempertimbangkan dan bersetuju beberapa cadangan di antaranya:

- i. Bersetuju dengan cadangan untuk menentukan model pengurusan dan pembangunan ALOP sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor ialah melalui kaedah kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP); dan
- ii. Bersetuju agar Jawatankuasa RFP melibatkan pandangan dan wakil daripada pihak Menteri Besar Incorporated (MBI) dan wakil anak-anak syarikat Negeri Selangor bagi membolehkan penilaian yang dibuat lebih menyeluruh dari segi model perniagaan yang sesuai;

Sehingga kini, Jawatankuasa Penilaian *Request For Proposal* (RFP) yang diurusetikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) sedang menyediakan dokumen RFP untuk ditawarkan kepada mana-mana syarikat/agensi/individu yang berminat untuk membangunkan Ampang Look Out Point melalui kaedah kerjasama atau perkongsian pintar iaitu *Public Private Partnership* (PPP). Jawatankuasa Penilaian *Request For Proposal* (RFP) akan membentangkan satu Kertas Ringkasan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) bagi melantik pengurus projek yang akan bertanggungjawab menguruskan tender secara RFP dan seterusnya membangunkan semula Ampang Look Out Point (ALOP). Proses penyediaan dokumen RFP ini termasuklah urusan-urusan yang berkaitan dengannya akan berlangsung sehingga tahun 2020. Manakala, pelantikan pengurus projek dan operator dijangka akan dilaksanakan pada awal tahun 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : SURAU AL-AKHLAQIAH DAN KAFA INTEGRASI PINANG TUNGGAL

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah tapak Surau Al-Akhlaqiah Kampung Pinang Tunggal merupakan tapak yang diwartakan sebagai tapak surau?
- b) Bilakah surau tersebut didaftarkan?
- c) Adakah pihak JAIS sedar operasi surau tersebut telah mengambil hak operasi KAFA Integrasi Kampung Pinang Tunggal sedangkan ada surau lain di depannya?

JAWAPAN:

- a) Belum diwartakan
- b) Surau tersebut telah didaftarkan pada tahun 2005
- c) Tidak.

Tapak tersebut merupakan tapak gantian surau mengikut daripada pelan Pihak Berkuasa Tempatan yang diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : PELAKSANAAN PERHIDMATAN PENGANGKUTAN GOJEK

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah persediaan dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menerima peningkatan penunggang motosikal E-haling yang dijangka meningkat dengan pengenalan syarikat Gojek?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan belum memuktamadkan sebarang keputusan dan pihak Kementerian Pengangkutan juga tidak mempunyai perancangan memperkenalkan penggunaan motosikal *e-hailing* seperti syarikat Gojek untuk menyediakan perkhidmatan seumpamanya di negara ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa perkara ini perlu dilihat dan dikaji dengan teliti terlebih dahulu oleh Kerajaan Persekutuan kerana ianya melibatkan pelbagai aspek sama ada dari segi perundangan, keselamatan, peraturan jalan raya dan penguatkuasaan serta sensitiviti dari sudut perundangan Syariah di negara ini khususnya di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N53 MORIB)**

TAJUK : PEMBANGUNAN RUMAH PERSENDIRIAN DI BUKIT JUGRA

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tindakan susulan yang di lakukan oleh pihak PBT berkenaan siasatan terhadap pelanggaran syarat pembangunan rumah persendirian di Bukit Jugra?

JAWAPAN:

- a) Pada 9 Julai 2019 Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menjalankan suatu Operasi Bersepadu bersama Jabatan Teknikal Dalam MDKL, Polis DiRaja Malaysia dan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat di kawasan Bukit Jugra berkaitan aduan yang diterima mengenai pembangunan/binaan tanpa kebenaran di atas tanah berstatus pertanian.

Pihak MDKL sedang dalam penyediaan kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan di bawah Seksyen 70 (13) (c), Akta 133, "mendirikan sesuatu bangunan bersalahan dengan Akta ini atau dengan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya"

Pihak juga sedang dalam proses mengeluarkan satu notis kesalahan di bawah Seksyen 18 (1), Akta 172, "tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan mana-mana tanah atau bangunan melainkan menurut Rancangan Tempatan".

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : STATUS TERKINI PEMBINAAN LADANG KHINZIR MODEN DI SELANGOR

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila beri maklumat terkini tentang status pembinaan Ladang Khinzir Moden Di Selangor.
- b) Berapa jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sejak projek ini dikemukakan?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang permohonan secara rasmi berkenaan dengan pembinaan Ladang Khinzir Moden atau *Modern Pig Farming (MPF)* walaupun kelulusan secara dasar berkenaan dengan perkara tersebut telahpun dibuat pada bulan Oktober 2018.
- b) Bagi pelaksanaan projek tersebut, Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan memandangkan ianya akan dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat swasta yang berminat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : PENUKARAN SKIM MESRA USIA EMAS

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah langkah Kerajaan Negeri Selangor meminda skim mesra usia emas (SMUE) memberi kesan ketara pendapatan hasil Kerajaan Negeri?

- b) Nyatakan jumlah penjimatan yang diperolehi Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

Pertanyaan ini dijawab bersekali.

Program Skim Mesra Warga Emas (SMUE) mula dilaksanakan pada 2008 dengan memberikan bantuan khairat kematian berjumlah RM2,500.00 kepada waris warga emas yang meninggal dunia tanpa mengira, jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi, dan kedudukan sosial mereka dalam masyarakat. Program ini bertujuan membantu meringankan bebanan kos pengurusan jenazah serta urusan yang berkaitan dengannya.

Setelah beberapa tahun dilaksanakan, terdapat permintaan terutamanya dari golongan warga emas sendiri agar manfaat program ini dapat dinikmati oleh warga emas semasa mereka masih hidup. Berdasarkan permintaan tersebut, maka Kerajaan Negeri merasakan bahawa program SMUE ini perlu dijajarkan agar ianya boleh menepati objektif program ini yang sepatutnya memberikan manfaat kepada warga emas itu sendiri.

Merujuk kepada cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 10/2019 yang diadakan pada 24 April 2019 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke 11/2019 pada 8 Mei 2019, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjajarkan pelaksanaan skim SMUE dengan pemberian baucer perayaan (*Jom Shopping*) kepada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dengan nilai RM100.00 setahun mulai 1 Mei 2019. Dengan itu, bantuan Khairat Kematian juga dihentikan pada tarikh tersebut.

Penjajaran program SMUE ini adalah contoh yang paling tepat bagi menggambarkan bahawa penjajaran IPR yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bukanlah bertujuan untuk mengurangkan bantuan kewangan Kerajaan Negeri semata tetapi tujuan utama penjajaran dilaksanakan adalah bagi memperkasakan setiap program dan memastikan manfaat program lebih bersasar kepada penerima yang benar-benar layak sahaja.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM28,000,000.00 bagi pelaksanaan Program SMUE pada tahun 2018. Pada tahun 2019 pula, perbelanjaan bagi Program SMUE sehingga 31 Oktober 2019 adalah berjumlah RM24,197,250.20.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan mengambil kira bilangan warga emas berdaftar dan masih hidup di bawah program SMUE adalah sekitar 200 ribu orang. Ini bermaksud terdapat pengurangan dalam kos yang terlibat sebanyak RM4,197,250.20 bagi tahun 2020 berbanding tahun 2019. Namun begitu, seperti yang dijelaskan sebentar tadi, penjajaran program SMUE ini bukanlah bertujuan mengurangkan kos semata tetapi lebih menumpukan kepada memperkasakan program agar memberi manfaat kepada golongan sasar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah tindakan telah diambil bagi menangani isu pencemaran Sungai Buloh khususnya yang memberi kesan kepada para nelayan di Bagan Sungai Buloh?

- b) Apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar dalam hal ini?

JAWAPAN:

(a) dan (b) dijawab bersekali.

Lembangan Sungai Buloh merupakan antara lembangan sungai utama di Negeri Selangor yang mengalami penurunan kualiti air berikutan pembangunan perindustrian dan komersial yang pesat di kawasan persekitarannya. Anggaran luas kawasan tadahan Lembangan Sungai Buloh ialah 524 km² dengan anggaran panjang sungai ialah 64.1 km. Kawasan hulunya bermula dari kawasan Hospital Sg. Buloh sehingga ke Muara Pekan Sg. Buloh Jeram, Kuala Selangor. Walau bagaimanapun, Sungai Buloh tidak membekalkan sumber air kepada sebarang Loji Pembersihan Air (LPA) tetapi di bahagian muara Sungai Buloh dan disepanjang pantainya merupakan pusat ekonomi nelayan bagi penternakan kebun kerang. Sebarang pencemaran dari sungai akan memberi kesan kepada hidupan persisiran pantai khususnya kerang.

Selaras dengan itu, inisiatif Kerajaan Negeri melalui LUAS telah dilaksanakan bagi memastikan langkah-langkah kawalan pencemaran Sungai Buloh seperti berikut:

- i) LUAS turut mengambil tindakan proaktif dengan menjalankan Kajian Kebersihan Sungai Buloh pada tahun 2012 melalui kaedah pemantauan dan pensampelan di tapak untuk mengenal pasti dan mengemaskini inventori punca pencemaran di Sungai Buloh. Penemuan antara punca pencemaran yang berpotensi bagi aliran hitam adalah dari premis perindustrian besi, kilang kitar semula plastik dan juga kilang kertas serta loji rawatan kumbahan

telah dipanjangkan ke pihak Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan selanjutnya. Kajian Kebersihan Sungai Buloh diteruskan pada tahun 2019 bagi mengenal pasti punca pencemaran berkaitan;

- ii) Inisiatif LUAS dengan mengadakan Bengkel Pelan Tindakan Sungai Buloh pada 26 April 2016 bersama agensi teknikal, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, pihak berkepentingan termasuk Persatuan Nelayan dalam membangunkan Pelan Tindakan Sungai Buloh (PTSB) yang merangkumi polisi dan strategi dalam memastikan air mencukupi, bersih, perlindungan daripada banjir dan pemuliharaan alam sekitar;
- iii) Mengadakan perbincangan dan penyelarasan tindakan bersepadu melalui Mesyuarat Pelan Tindakan Sungai Buloh (PTSB) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS Bil 1/2017 pada 6 Jun 2017. Mesyuarat PTSB ini diurusetikan LUAS yang turut dihadiri oleh semua agensi teknikal berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah, wakil pihak berkepentingan dan dipengerusikan oleh Pengarah LUAS. Penyelarasan aduan yang diterima LUAS dan maklum balas juga dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pengurusan Aduan LUAS yang diadakan setiap bulan;
- iv) LUAS juga telah melantik perunding bagi menjalankan Kajian Pemetaan Dan Inventori Aktiviti Guna Tanah Di Rizab Sungai bagi Sungai Buloh, Sungai Langat Dan Sungai Selangor pada tahun 2019. Ini adalah bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti di sepanjang rizab sungai yang berpotensi menyebabkan pencemaran dan juga bagi tujuan kawalan aktiviti-aktiviti di rizab sungai. LUAS juga dimaklumkan pihak JPS akan membangunkan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Buloh pada tahun 2019 yang akan mengambil kira pelbagai aspek termasuk kualiti air di Sungai Buloh.

Maklumat Tambahan :

Maka pemantauan berkala LUAS menggunakan dron dan pensampelan pada 16 dan 17 Oktober 2019 mendapati paras air Sungai Buloh yang tinggi dan tiada penemuan sebarang air hitam di kawasan Paya Jaras Hilir di Sungai Kedondong, Kawasan Perindustrian Ijok, Kg. Parit Mahang, Desa Coalfield, Kg Baru Sg Buloh dan Jeti Sungai Buloh. Walau bagaimanapun siasatan pada 20 Oktober 2019 telah menemui aliran air kehitaman dari kawasan parit *borrowpit* di Kg Bukit Kuching di mana merupakan kesan dari kawasan tanah gambut di sekitar ladang kelapa sawit tetapi berdasarkan pensampelan warna air adalah jernih dan tidak berbau. Lembaga dimaklumkan penduduk kampung aliran kehitaman di Sungai Buloh biasanya berlaku apabila paras air sungai rendah. Lembaga mendapati ini berikutan kurangnya faktor pencairan dalam sungai dan apabila musim hujan dan paras Sg Buloh tinggi warna air sungai akan kelihatan baik.

Berdasarkan siasatan di lokasi tersebut juga penemuan kepada kandang penternakan lembu dalam anggaran 100 ekor yang beroperasi dan mengalirkan discaj efluen tanpa rawatan yang berbau busuk dipercayai daripada sisa najis haiwan yang mengalir ke parit *borrowpit* dan seterusnya ke Sungai Buloh. Jarak lokasi tersebut ke pintu air JPS sebelum memasuki Sungai Buloh adalah anggaran 5.83 km. LUAS telah menjalankan pensampelan di parit *borrowpit* hulu dari lokasi kandang lembu, di saliran efluen penternakan lembu dan di hilir sebelum memasuki Sungai Buloh dan semua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisa lanjut.

Berhubung aktiviti kandang ternakan lembu yang mengalirkan discaj efluen tanpa rawatan, LUAS mengeluarkan arahan di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 kepada pihak Pengusaha bagi melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu untuk melindungi sumber air daripada tercemar. Jika ingkar, pesalah boleh dikenakan didenda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya RM 3,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan sehingga perintah itu ditarik balik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : SYARAT NYATA HAKMILIK TANAH LADANG KELAPA SAWIT

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak hakmilik tanah pertanian untuk penanaman pokok kelapa sawit yang masih belum didaftarkan tujuan penanaman pokok kelapa sawit sebagai syarat nyata hakmiliknya di daerah Kuala Langat?
- b) Berapa banyak permohonan yang telah diterima, sedang diproses dan selesai diproses sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Jumlah hak milik tanah pertanian di daerah Kuala Langat ialah sebanyak 38,357 hak milik. Jumlah hak milik kategori pertanian untuk tujuan kelapa sawit sedia ada adalah sebanyak 13,010 hak milik. Berdasarkan Pekeliling PTG Selangor Bil. 4/1998, tanah hakmilik yang syarat nyatanya didaftarkan sebagai kelapa sawit, kopi, teh dan kelapa kini didaftarkan di atas satu syarat nyata sahaja iaitu tanaman kekal (industri). Berdasarkan semakan Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Langat, sebanyak 9,787 hak milik sudah didaftarkan di bawah syarat nyata tanaman kekal (industri). Pejabat ini tidak dapat mengenalpasti tanah-tanah yang telah ditanam dengan kelapa sawit namun masih belum menukar syarat nyata kepada tanaman kekal (industri) melainkan satu banciaan pertanian kelapa sawit dilaksanakan pada masa hadapan yang melibatkan 25,347 hak milik.
- b) Sehingga 21 Oktober 2019, jumlah permohonan tukar syarat nyata daripada kelapa sawit, kopi, teh dan kelapa kepada tanaman kekal (industri) yang diproses dan selesai didaftarkan adalah sebanyak 9,787 hak milik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PENDAFTARAN MARRIS BAGI JALAN PERTANIAN

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga akhir 2018, berapakah jumlah keseluruhan panjang jalan pertanian yang berjaya didaftarkan di bawah MARRIS?
- b) Apakah pendekatan dan usaha kerajaan bagi membantu memperbaiki kerosakan jalan-jalan di kawasan pertanian?

JAWAPAN:

- a) Sehingga akhir 2018, jumlah keseluruhan panjang jalan pertanian yang berjaya didaftarkan di bawah MARRIS adalah sebanyak 1,200km.
- b) Pendekatan dan usaha kerajaan bagi membantu memperbaiki kerosakan jalan-jalan di kawasan pertanian adalah dengan membuat kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan juga menyediakan inventori jalan-jalan yang telah diselenggara. Disamping itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa mencari kaedah teknologi terkini seperti Soil Stabilizer Base Road (SSBR) dan juga penggunaan 'Polymer Base Road' bagi mengurangkan kerosakan berulang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PENCEMARAN AIR DI SELANGOR

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selangor telah mengalami 5 kali pencemaran air. Apakah cara-cara kerajaan dapat mengatasi kejadian seperti ini berlaku akan datang?
- b) Berapakah kes yang telah dibawa ke mahkamah selepas pencemaran berlaku?
- c) Apakah hukuman yang telah dijatuhkan ke atas pesalah?

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah mewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 413 (40%) daripada jumlah keseluruhan 1026 batang sungai kini turut telah melalui proses pewartaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pewartaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui LUAS dan Pengurusan Air Selangor juga telah membangunkan beberapa stesen telemetri kualiti air di hulu dari muka sawk sebagai sistem amaran awal /*early warning system* kepada muka sawk bekalan air jika berlakunya pencemaran di hulu. Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan bersepadu dan tindakan perundangan tegas turut sentiasa dilaksanakan antaranya siasatan, notis dan pengeluaran kompaun termasuk pendakwaan di mahkamah.

Maklumat tambahan

Selain itu, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan bagi isu-isu pencemaran lain melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:

- iv. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
 - v. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
 - vi. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- b) Kes yang telah dibawa ke mahkamah selepas pencemaran berlaku adalah seperti berikut:

| Bil. | Nama Syarikat | Tahun diambil Tindakan | Seksyen Kesalahan | Pertuduhan | Status Kes |
|------|----------------------|------------------------|---------------------------|--|---|
| 1. | Muhibbah Mok Sdn Bhd | 2013 | s.79(1) Enakmen LUAS 1999 | Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS. | Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00. |

| | | | | | |
|----|---|------|----------------------------|--|--|
| 2. | Muhibbah Mok Workshop Sdn Bhd | 2013 | s.79(1) Enakmen LUAS 1999 | Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS. | Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00. |
| 3. | Ng Kim Bok Realty Sdn Bhd | 2013 | s.79(1) Enakmen LUAS 1999 | Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS. | Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum denda sebanyak RM 5,000.00. |
| 4. | i. H'ng Soo Chiew ii. Ng Kim Bok | 2013 | s.79(1) Enakmen LUAS 1999 | Sebagai Pengarah kepada NG KIM BOK REALTY SDN BHD melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Pengarah LUAS. | OKS 1: RM 2500.00 atau penjara 2 bulan penjara (jika gagal bayar) OKS 2: RM 2500.00 atau penjara 2 bulan penjara (jika gagal bayar) |
| 5. | Masgenuine I-Berhad | 2018 | s. 50(3) Enakmen LUAS 1999 | Gagal mematuhi perintah Lembaga di bawah perenggan 4(b) Surat Arahan bertarikh 19 Mac 2013 yang | Telah disabitkan dengan kesalahan dan dihukum |

| | | | | | |
|----|--|------|------------------------------|--|---|
| | | | | dikeluarkan di bawah seksyen 50(2)(e) Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. | denda sebanyak RM 45,000.00 |
| 6. | Devaraj a/l Shanmugam Maduraiveran Pillai a/l Nageswara | 2019 | s.79(1)(d) Enakmen LUAS 1999 | Menyebabkan pelepasan bahan buangan yang mengandungi minyak ke dalam sumber air tanpa lesen Pengarah LUAS. | OKS 1 masih dalam prosiding perbicaraan. OKS 2 telah mengaku salah dan dihukum denda RM 25,000.00. |

- c) Hukuman yang dikenakan adalah denda mengikut peruntukan seksyen Enakmen LUAS 1999 yang dituduh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PENGUATKUASA KERAJAAN TEMPATAN DAN PEJABAT DAERAH

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada membuat kajian punca-punca kenapa pihak penguatkuasa kerajaan tempatan dan pejabat daerah lambat untuk bertindak dengan cepat terhadap aduan rakyat tempatan terhadap warga asing yang berniaga, aktiviti pembuangan sampah haram dan pencerobohan tanah kerajaan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci, hasil kajian mengenai penjajaran program air percuma di Selangor.

- b) Apakah mekanisma terbaik untuk memastikan setiap rakyat yang memerlukan benar benar tidak tercicir dari Skim Air Darul Ehsan?

JAWAPAN:

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Skim Air Darul Ehsan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar (Soalan No. 2), Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 74), Yang Berhormat Semenyih (Soalan No. 197), Yang Berhormat Pandamaran (Soalan No. 230) dan Yang Berhormat Batang Kali (Soalan No. 284).

1. Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan Yang Berhormat Pandamaran bertanyakan berapa anggaran perolehan hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor dengan pemansuhan skim air percuma dan Yang Berhormat Sungai Panjang bertanyakan anggaran rakyat yang akan mendapat manfaat dari skim ini. Apabila Skim Air Darul Ehsan dilaksanakan, penduduk Negeri Selangor yang mendapat manfaat akan berkurang dari 1.6 juta akaun pengguna kepada 700,000 akaun.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,812,421,674.67 bagi menampung pembiayaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu semenjak Jun 2008 hingga Ogos 2019. Jumlah pembiayaan Kerajaan Negeri di bawah Skim Air Darul Ehsan ini dianggarkan akan berkurangan dari RM180 juta setahun kepada RM96 juta setahun. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyalurkan penjimatan tersebut kepada program-program kebajikan rakyat yang lain.

3. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Semenyih pula bertanyakan mengenai mekanisma yang akan digunakan dalam pelaksanaan pemberian air percuma kepada kumpulan sasar. Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasar yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan ini, Kerajaan Negeri menggesa supaya semua pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu www.ssipr.selangor.gov.my atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan ini bermula pada 30 September 2019 sehingga 31 Disember 2019. Proses pendaftaran ini adalah untuk mengumpul dan mengemaskini semua data pemohon Skim Air Darul Ehsan dan bagi proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Proses semakan silang hanya akan bermula selepas tarikh tutup permohonan, dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Februari 2020, iaitu sebelum pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 Mac 2020. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk meneliti dan memperhalusi mekanisme yang digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.
4. Yang Berhormat Sungai Panjang dan Yang Berhormat Batang Kali amat mengambil berat berkenaan golongan M40 dan mencadangkan supaya Skim Air Darul Ehsan ini diperluaskan kepada golongan M40. Golongan M40 di negeri Selangor adalah terdiri dari golongan rakyat yang menerima pendapatan bulanan dalam lingkungan RM6,180.00 hingga RM12,469.00. Kerajaan Negeri berpandangan golongan M40 ini berkemampuan untuk membiayai bayaran RM11.40 untuk penggunaan air sebanyak 20 meter padu sebulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan program kebajikan untuk kepentingan golongan M40 ini antaranya seperti perkhidmatan bas percuma, hadiah anak masuk IPT dan lain-lain.
5. Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum dapat mempertimbangkan saranan Yang Berhormat Batang Kali untuk meningkatkan kadar air percuma kepada 30 meter padu kerana penggunaan 20 meter padu adalah mencukupi untuk menampung kegunaan domestik bagi satu keluarga purata seramai lima (5) orang. Tambahan pula, mengikut statistik yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Air Negara (SPAN), penggunaan air individu di Selangor, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 222 liter sehari, iaitu 30% lebih tinggi dari kadar air yang disyorkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi setiap individu sebanyak 164 liter sehari. Justeru itu, peningkatan pemberian air percuma kepada 30 meter padu boleh menyumbang kepada penggunaan air yang tidak berhemah sedangkan sumber bekalan air adalah semakin berkurangan.

6. Akhirnya, Yang Berhormat Sungai Panjang juga bertanya adakah akan berlaku kenaikan tarif air selepas Skim Air Darul Ehsan ini. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebarang pelarasan tarif adalah berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat dan memberi jaminan tiada peningkatan bagi pengguna domestik yang menggunakan 20 meter padu sebulan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PELEBARAN JALAN UTAMA KAMPUNG PENDAMAR

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menaiktaraf dan melebarkan jalan utama Kampung Pendamar yang semakin sesak dengan kenderaan berat seperti lori kontena demi keselamatan dan keselesaan penduduk setempat?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, pihak Jabatan tiada perancangan untuk menaiktaraf Jalan Utama Kampung Pendamar. Walaubagaimanapun Pihak JKR Negeri Selangor tiada halangan untuk melaksanakan kajian di jajaran tersebut untuk cadangan menaiktaraf.

Untuk penyelesaian jangka masa pendek bagi memastikan aspek keselamatan dan keselesaan penduduk, pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor sedang mengkaji keperluan untuk meningkatkan aspek keselamatan jalan di Jalan tersebut dalam cadangan permohonan peruntukan tahun 2020. Antara aspek keselamatan yang boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i) Papan Tanda
- ii) Tanda Jalan
- iii) Bonggol/ Jejantas Pejalan Kaki
- iv) Lampu Isyarat/ Lampu Jalan
- v) Menaiktaraf Bahu Jalan
- vi) Pembahagi/ Penghadang Jalan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PRESTASI AGEN PENGURUSAN YANG DILANTIK OLEH COB

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah agen pengurusan yang dilantik oleh COB MBPJ akan mengganti semua tong sampah yang sudah pecah di flat PKNS di Seksyen 17 Petaling Jaya?
- b) Adakah agen pengurusan ini sudah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik yang tidak membayar fi penyelenggaraan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman tuan, pihak Anzal Property Sdn. Bhd. telahpun menyediakan tong sampah di setiap blok di flat PKNS Seksyen 17 sebanyak 30 unit tetapi kebanyakan tong sampah yang disediakan telah pecah dan hilang. Oleh yang demikian, untuk menggantikan tong sampah yang baru, pihak Anzal Property Sdn. Bhd. tidak mempunyai dana yang mencukupi disebabkan kebanyakan pemilik petak tidak membayar caj penyelenggaraan. Walau bagaimanapun pentadbiran ini telah mengarahkan pihak ejen supaya menggantikan tong sampah yang rosak / hilang secara berperingkat bermula hujung bulan Oktober 2019.
- b) Untuk makluman tuan, pihak Anzal Property Sdn. Bhd telah membuat penyelarasan berkenaan tunggakan caj penyelenggaraan dengan mengeluarkan invois kepada semua pemilik-pemilik petak di kawasan tersebut. Sehubungan itu, pihak Anzal Property Sdn. Bhd. akan mengambil tindakan dengan menghantar notis (Borang 20) dalam bulan November 2019 kepada pemilik yang ingkar membayar caj dan selanjutnya akan memfailkan kes ke Tribunal Pengurusan Strata

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : USAHAWAN BIDANG PERTANIAN

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak kerajaan berhasrat membuka tanah-tanah baru untuk diberikan kepada anak-anak muda yang berminat untuk menjadi usahawan dibidang pertanian?

JAWAPAN:

- a) Sektor pertanian adalah merupakan sektor yang penting khususnya yang melibatkan soal keselamatan makanan (*food security*). Namun begitu, disebabkan Negeri Selangor merupakan sebuah negeri yang maju dan pesat berkembang dengan pelbagai pembangunan projek komersial dan projek hartanah, tanah untuk pertanian menjadi semakin mengecil kesan daripada pertembungan tersebut.

Walaupun begitu, Kerajaan Negeri tetap komited di dalam memastikan sektor pertanian terus menjadi agenda utama dengan pembukaan tanah-tanah pertanian yang baharu. Sebagai contoh, perancangan pembukaan tanah pertanian di Daerah Sabak Bernam yang melibatkan Kawasan seluas 177 ekar untuk pelaksanaan projek tanaman nanas MD2 dan juga roselle serta beberapa lagi tanaman makanan seperti *rock melon* dan sayuran. Selain dari itu, terdapat juga dengan pembukaan kawasan translokasi di Olak Lempit, Sepang bagi penternakan lembu yang melibatkan Kawasan seluas 120 ekar. Kerajaan Negeri akan terus mengenalpasti Kawasan-kawasan baharu untuk sektor pertanian dari masa ke semasa.

Untuk tindakan yang berhemat, konsep pertanian yang dahulunya bergantung kepada kawasan yang luas bukan lagi menjadi keutamaan kerajaan pada masa ini. Pelaksanaan projek-projek pertanian yang berteraskan teknologi moden seperti tanaman berkonsepkan fertigasi dan pertanian secara bertingkat atau *vertical agriculture* selain daripada konsep integrasi tanaman dan akuakultur melalui kaedah akuaponik akan terus diperkenalkan khususnya kepada golongan muda. Kerajaan Negeri yakin, melalui pengamalan konsep pertanian yang moden tersebut, golongan generasi muda akan lebih tertarik kerana ianya melibatkan penggunaan gajet-gajet dan *Internet Of Thing (IoT)*.